

## Melacak Asal-Usul Keris dan Peranannya dalam Sejarah Nusantara

MAHYUDIN AL-MUDRA

### ABSTRAK

*Makalah ini tidak bermaksud memperkatakan aspek bahan, bentuk dan nilai estetik keris, melainkan aspek sejarah dan peranan tertentu yang dimainkannya. Walaupun keris adalah senjata untuk ditikam, tetapi bukan semua senjata tikam dapat disebut sebagai keris, atau benda yang menyerupai keris tetapi proses pembuatan dan bahan yang digunakan tidak sama dengan keris yang sebenarnya, kerana keris adalah artifak budaya yang istimewa, maka mempunyai peranan tertentu. Makalah ini akan memperkatakan asal-usul keris dan peranan yang dimainkannya dalam perkembangan sejarah Nusantara, khususnya di Jawa.*

*Kata kunci: Keri Buda, Majapahit, Mataram, Kiai Sengkelat, Babad Tanah Jawa*

### ABSTRACT

*This article is interested in highlighting the historical role of the keris rather than its physical manifestation. Although the keris is a weapon that can cause injury, all weapons are not keris as it is distinguished by the methods and material which has been used to create it. In the Malay civilaization, a keris is a special cultural artifact with a specific role. This article will focus on the rise of the keris and its role in Nusantara's historical development, particularly in Jawa.*

*Key words: Keri Buda, Majapahit, Mataram, Kiai Sengkelat, Babad Tanah Jawa*

### PENDAHULUAN

Keris adalah senjata, sekaligus karya seni yang bernilai tinggi. Nilainya terletak pada keindahan bentuk dan bahan yang dipakai serta proses pembuatannya yang memerlukan waktu yang lama, ketekunan dan ketrampilan yang khusus. Orang yang memiliki cita rasa (*taste*) seni tinggi nescaya mengagumi keris sebagai artifak budaya yang berharga. Sebagai artifak budaya, keris adalah warisan khas kebudayaan Nusantara dan juga Melayu. Oleh kerana itu, keris

lazim dipakai orang di Riau, Bugis, Jawa dan Bali sebagai pelengkap busana mereka (Al-Mudra 2004). Seiring berjalannya waktu, budaya keris kemudian menyebar ke kawasan lain di Asia Tenggara, terutama yang mempunyai asas kebudayaan Melayu, seperti Malaysia, Brunei, Filipina Selatan, Singapura dan Thailand Selatan (Wooley 1998).

Keris termasuk jenis senjata tikam; namun bukan semua senjata tikam dapat disebut sebagai keris. Untuk itu, sebelum melanjutkan perbincangan, ingin dijelaskan kriteria yang harus dipenuhi sehingga layak disebut sebagai keris. Artifak yang dapat digolongkan sebagai keris perlu memenuhi kriteria yang berikut:

1. Keris harus terdiri daripada dua bahagian utama, iaitu bahagian bilah atau mata keris (termasuk *pesi*<sup>1</sup>) dan bahagian *ganja*.<sup>2</sup> Kalau bahagian bilah dan *pesi* melambangkan wujudnya *lingga*, maka bahagian *ganja* pula melambangkan wujudnya *yonis*. Dalam falsafah Hindu, persatuan antara *lingga* dan *yonis* adalah simbol kesuburan, keabadian dan kekuatan.
2. Bilah keris harus membuat sudut tertentu terhadap *ganja*, tidak tegak lurus. Kedudukan bilah keris yang miring atau condong itu lambang sifat yang terpuji: tidak kira apa juga kedudukan dan pangkatnya, orang itu harus sentiasa tunduk dan hormat bukan sahaja kepada Sang Pencipta, tetapi juga sesamanya. Hal ini sesuai dengan falsafah padi: semakin berisi semakin merunduk. Berdasarkan falsafah ini, pendapat yang mengatakan keris adalah dibuat semata-mata untuk membunuh dengan sendirinya tertolak (Soekiman 1983).
3. Ukuran panjang bilah keris lazimnya adalah antara 33 cm sampai 38 cm. Namun, bilah keris di luar Jawa boleh sampai 58 cm, bahkan panjangnya keris buatan Filipina Selatan ada yang mencapai 64 cm. Mengenai senjata tikam menyerupai keris yang panjangnya di bawah ukuran yang lazim, menurut banyak ahli belum dapat dikategorikan sebagai keris, tetapi keris-kerisan.
4. Keris yang baik harus dibuat dan ditempa dari tiga macam logam, minimal dua, iaitu besi, baja dan bahan pamor.<sup>3</sup> Keris-keris tua atau lebih tepatnya keris prototaip, misalnya keris Buda, tidak menggunakan pamor (Harsrinuksmo 2004).

Meskipun ada beberapa kriteria lain yang dapat disandangkan pada keris, misalnya sarung (warangka) keris dan bentuk keris,<sup>4</sup> namun keempat-empat kriteria di atas adalah yang paling utama. Oleh sebab itu, artifak yang menyerupai keris yang terbuat dari tembaga, kuningan dan logam selain yang disebut di atas, tidak dapat digolongkan sebagai keris. Begitu juga dengan keris yang dibuat tidak melalui proses penempaan melainkan dicor, meskipun terbuat daripada besi atau baja, juga belum dapat dikatakan sebagai keris (Harsrinuksmo 2004).

Walau bagaimanapun, makalah ini tidak bermaksud memperkatakan aspek bahan, bentuk dan nilai estetik keris, melainkan lebih fokus kepada aspek sejarah dan peranan tertentu yang dimainkannya. Mengenai kriteria-kriteria tertentu yang melekat pada keris seperti di atas, perlu ditegaskan bahawa bukan semua senjata tikam atau tusuk dapat disebut sebagai keris, atau benda yang menyerupai keris tetapi proses pembuatan dan bahan yang digunakan tidak sama dengan keris yang sebenarnya, kerana keris adalah artifak budaya yang istimewa, maka mempunyai peranan tertentu. Untuk itu, di bawah ini akan dipaparkan secara berturut-turut asal-usul keris dan peranan yang dimainkannya dalam perkembangan sejarah Nusantara, khususnya di Jawa.

### ASAL-USUL KERIS

Ada banyak teori cuba menjelaskan asal-usul penggunaan keris di Nusantara. Antaranya adalah teori yang pertama seperti yang dikemukakan G.B. Gardner dalam bukunya *Keris and Other Malay Weapon* (1936). Keris dianggap Gardner sebagai perkembangan lanjut daripada jenis senjata tikam zaman pra-sejarah yang terbuat daripada tulang ikan pari. Cara membuatnya adalah dengan memotong tulang ikan pari pada pangkalnya, kemudian dibalut kain pada tangkainya, sehingga dapat digenggam dan mudah dibawa ke mana-mana (Hill 1998). Tetapi, Harsrinuksmo (2004) mengatakan teori Gardner itu ada banyak kelemahan, kerana tradisi pembuatan keris yang tertua di Indonesia tidak berkembang di kawasan pesisir, tetapi di pedalaman pulau Jawa.

Teori yang kedua tentang asal usul keris telah dikemukakan Griffith Wilkens. Dia menganggap budaya keris baru muncul pada abad ke-14 dan ke-15M sebagai perkembangan daripada senjata tombak – senjata yang lazim digunakan suku-suku yang tinggal di Asia dan Australia. Daripada mata lembing itulah lahir jenis senjata tikam yang lebih pendek, yang kemudian dikenal sebagai keris. Alasan terjadinya perubahan bentuk daripada tombak kepada keris didasarkan pertimbangan bahawa tombak tidak mudah dibawa, lebih-lebih lagi untuk menyusup hutan. Oleh sebab pada masa itu bahan besi masih susah dijumpai, maka lembing tombak dicabut daripada tangkainya sehingga dapat digenggam (Harsrinuksmo 2004).

Teori yang ketiga mengenainya telah dikemukakan A. J. Barnet Kempers yang menyatakan bahawa munculnya tradisi pembuatan keris di Nusantara dipengaruhi kebudayaan perunggu yang berkembang di Dongson, Vietnam, sekitar abad ke-3M. Dia menduga bahawa keris adalah perkembangan lanjutan daripada jenis senjata penusuk pada zaman perunggu. Senjata tikam zaman itu berbentuk menyerupai manusia berdiri pada gagangnya, yang menyatu dengan bilahnya (Harsrinuksmo 2004).

Namun, setelah dirujuk prasasti dan gambar pada relief di candi-candi di Jawa, dapat diduga bahawa keris sudah dikenali orang Jawa sejak abad ke-5M.

Pada prasasti batu yang ditemui di Desa Dakuwu, Grabag, Magelang, Jawa Tengah, ditemui relief yang menggambarkan peralatan besi. Prasasti ini dibuat sekitar tahun 500M seperti yang tertulis dalam huruf Pallawa yang menggunakan bahasa Sansekerta. Prasasti ini menyatakan adanya sebuah mata air yang bersih dan jernih, terdapat beberapa gambar yang antaranya terdapat trisula, kapak, sabit, kudi dan belati atau pisau yang bentuknya mirip dengan keris.

Ketrampilan mengolah logam di Jawa semakin berkembang setelah pengaruh kebudayaan India mulai masuk ke Nusantara sekitar abad ke-5M. Pengaruh itu dapat dilihat pada gambar yang terdapat di relief candi di Jawa, terutamanya candi Borobudur dan candi Prambanan, Jawa Tengah. Pada relief itu terdapat gambar senjata tikam yang menyerupai lembaran daun – model senjata tikam yang telah berkembang lebih dahulu di India. Oleh para ahli, senjata tersebut dinamai ‘Keris Buda’ dan dianggap sebagai prototaip keris.

Pada relief di candi Borobudur, tepat di sudut bawah bahagian tenggara, tergambar beberapa perajurit membawa senjata tajam yang menyerupai keris (Maisey 1998; Harsrinuksmo 2004). Di candi Prambanan pula terdapat gambar yang serupa, terutamanya di candi utama yang disebut sebagai candi Shiva. Di candi ini terdapat relief monyet yang menghunus sejenis belati mirip keris dan Laksmana sedang bertempur sambil memegang senjata serupa. Jenis senjata tikam di candi Prambanan itu tidak berbeza dengan yang ada di candi Borobudur: kedua-duanya tergolong sebagai jenis ‘Keris Buda’. Dilihat bentuknya, keris itu berukuran pendek, gemuk dan agak tebal, mirip dengan senjata tikam yang berkembang di India.

Relief tentang senjata yang menyerupai keris juga terdapat di candi di Jawa Timur, misalnya, di candi Singosari (dibangunkan pada tahun 1300M), candi Jawi dan candi Panataran. Di candi Singasari terdapat relief yang menggambarkan senjata mirip keris – bentuknya sama dengan yang terdapat di candi Borobudur dan candi Prambanan. Di candi Jawi, juga terpahat relief Dewi Durga sedang menggenggam belati yang juga mirip dengan yang ada di candi Prambanan, kecuali gambar belati yang ada di candi Jawi itu kelihatan lebih halus dan terang daripada yang ada di candi Prambanan. Ini menunjukkan telah terjadi peningkatan kualiti dalam seni pembuatan keris. Di candi Panataran juga terdapat relief yang menggambarkan Hanuman sedang memegang senjata yang bentuknya tidak jauh berbeza dengan yang ada di candi lain (Maisey 1998).

Meskipun senjata – yang disebut sebagai ‘Keris Buda’ di atas wujud aslinya jarang - bahkan sukar dijumpai, hal ini bukan bererti senjata tersebut secara nyata tidak ada. Jika dirujuk pendapat J. J. Honigmann dalam bukunya *The World of Man* (1959), kebudayaan adalah keseluruhan sistem gagasan yang termanifestasi menjadi tiga sistem: *ideas*, *activities* dan *artefacts*. Ketiga-tiganya dinyatakan Koentjaraningrat (1979) sebagai sistem yang saling berkaitan, dan dalam hal ini sistem yang paling abstrak (*ideas*) seakan-akan berada di atas untuk mengatur aktiviti sistem sosial lain yang lebih konkrit, sedangkan aktiviti

dalam sistem sosial menghasilkan kebudayaan materialnya (*artefact*). Sebaliknya sistem yang berada di bawah dan yang bersifat konkrit itu memberi tenaga kepada yang di atas. Pendapat itu menggambarkan bahawa kebudayaan adalah interaksi timbal-balik antara sistem-sistem dalam wujud kebudayaan tersebut, iaitu hubungan antara idea, aktiviti dan artifak. Pendapat ini dijadikan landasan untuk memperkuat gagasan bahawa ‘Keris Buda’ – sebagai artifak — secara nyata memang pernah ada, kerana gagasan tentangnya setidak-tidaknya sudah termanifestasi dalam relief di candi di Jawa. Dengan lain kata, relief di candi tersebut adalah pantulan dari gagasan mahupun aktiviti masyarakat Jawa waktu itu.

Dugaan di atas diperkuat pendapat Soekiman (1983) yang mengatakan ‘Keris Buda’ adalah keris pertama yang pernah dibuat di Nusantara – ketika tanah Jawa berada di bawah kuasa kerajaan Mataram Kuno (abad ke-8 sampai ke-10). ‘Keris Buda’ diperkirakan adalah peninggalan keris generasi pertama yang kelak menjadi cikal baka lahirnya keris. Namun, belum diketahui secara pasti pada abad berapa dan pemerintahan siapa ‘Keris Buda’ dibuat.

Setelah orde kekuasaan di Jawa berpindah ke Jawa Timur dengan berdirinya kerajaan seperti Kahuripan, Jenggala, Daha dan Singasari (abad ke-10 sampai abad ke-13), tradisi pembuatan keris menunjukkan perkembangan yang mengesankan. Dari segi kualiti, keris yang dibuat pada periode ini jauh lebih berkualiti berbanding dengan masa Mataram Kuno. Pada periode ini keris dikenali sebagai *tangguh*<sup>5</sup> Jenggala. Keris yang dibuat pada zaman Jenggala terkenal dengan kualiti besinya yang bagus dan penempaan pamornya yang prima (Garret & Solyom 1978).

Setelah ketiga-tiga kerajaan tersebut itu tumbang, lahirlah Kerajaan Majapahit (abad ke-13 sampai ke-15), kerajaan terbesar yang pernah wujud di tanah Jawa. Kerajaan Majapahit mencapai puncak kejayaannya pada masa pemerintahan Hayam Wuruk dengan patihnya, Gajah Mada, pada tahun 1294. Pada masa inilah diduga kebudayaan keris telah tersebar luas sehingga ke kawasan yang sekarang ini disebut sebagai negeri jiran, seperti Malaysia, Brunei, Thailand, Filipina dan Kamboja (Garret & Solyom 1978).

Barangkali fasa yang dianggap paling mewakili kejayaan pembuatan keris di Jawa adalah semasa Kerajaan Mataram Islam. Ketika itu, perkembangan keris berlangsung dengan pesat, baik secara kualiti mahupun kuantiti. Ada alasan pragmatik di sebalik perkembangan pembuatan keris sebagai senjata bagi perajurit Mataram. Pada masa pemerintahan Sultan Agung telah muncul *dapur-dapur*<sup>6</sup> baru. Antara yang paling terkenal adalah dapur Nagasasra. Pada masa ini juga telah dikenal budaya *kinatah*<sup>7</sup> pada keris (Harsrisuksmo 2004).

Tradisi pembuatan keris terus berkembang pada era *nom-noman*, iaitu setelah pecahnya Surakarta dan Yogyakarta pada tahun 1755. Pada era Paku Buwono terjadi kemajuan yang mencolok dalam penggarapan dan pemilihan bahan. Terjadi eksplorasi estetik baru, yang antara lain, menghasilkan sejumlah *dapur* dan *ricikan* (*detail*) yang semakin tegas, dalam, rapi dan beragam;

pengujian pembuatan dan model pamor; gaya baru dengan masuknya ukuran sedikit lebih besar, serta nuansa *nevis* dan gagah. Dari segi bahan, semakin nyata pengawalan kualiti menjadi lebih ketat ke atas bahan pamor dan bajanya (Danujaya 2000). Meskipun masa ini dianggap sebagai puncak keemasan tradisi pembuatan keris, tetapi keris telah kehilangan peranan utamanya dalam kebudayaan Jawa, kerana aspek fungsinya telah merosot: dari sebagai senjata – baik dalam erti lahiriah mahupun rohaniah – menjadi sekadar perabot upacara yang diangung-agungkan secara berlebihan.

## PERANAN KERIS DALAM SEJARAH INDONESIA

Dalam kebudayaan Jawa, khususnya dan Nusantara umumnya, keris tidak hanya berfungsi sebagai senjata penusuk, tetapi juga sering dianggap sebagai artifak pusaka yang mempunyai kekuatan magik, malah menjadi lambang kehormatan bagi pemakainya. Selain itu, keris juga adalah artifak sejarah – yang turut mewarnai kerumitan perjalanan sejarah Nusantara (Garret & Solyom 1978). Jika dirujuk babad, sejarah lisan, cerita dan sejarah moden, ternyata keris banyak berfungsi sebagai objek kajian sejarah, malahan tidak jarang menjadi penentuan dalam perkembangan sejarah itu sendiri.

Jika disusur lebih jauh, banyak hal dapat diketahui berkait dengan peranan yang dimainkan keris. Dalam cerita legenda *Ajisaka*, *Kitab Pararaton*, *Hikayat Hang Tuah*, *Perang Diponegoro*, mahupun penulisan sejarah moden, keris memainkan peranan cukup penting. Bagi tokoh-tokoh yang telah berjasa bagi perkembangan Indonesia moden, seperti Bung Karno, jeneral Soedirman dan Pak Harto, keris masih dianggap sebagai artifak pusaka yang mampu mendatangkan keselamatan dan meningkatkan kewibawaan.

Dalam sejarah lisan tertua di tanah Jawa, legenda *Serat Aji Saka*, cerita tentang keris diberi kedudukan yang istimewa: diceritakan sebilah keris pusaka di Gunung Kendhil. Pendekkan cerita, Prabu Aji Saka, seorang penguasa tanah Jawa dalam cerita rakyat, memerintahkan Dora, abdi dalamnya, untuk mengambil keris pusaka di Gunung Kendhil yang sebelumnya ditiptikan pada orang yang bernama Sembada. Setibanya di Gunung Kendhil, ternyata Dora menghadapi masalah, kerana Sembada tidak bersedia menyerahkan kerisnya, kerana tidak berani melanggar amanah yang dititahkan Prabu Aji Saka kepadanya. Sembada bermaksud menyerahkan keris tersebut kepada Prabu Aji Saka secara langsung. Akibat dualisme amanah tersebut, terjadilah perdebatan yang berakhiran perkelahian antara Dora dan Sembada. Akhirnya kedua-duanya mati dalam perkelahian tersebut. Setelah lama menunggu, Prabu Aji Saka menyusul ke Gunung Kendhil. Sang Prabu terkejut besar kerana setibanya di Gunung Kendhil, dia menjumpai dua orang kepercayaannya telah mati. Prabu Aji Saka merasa sangat berdosa. Untuk menghormati kedua-dua orang pembantunya, dia mencipta aksara yang menjadi huruf Jawa, yaitu: *ha*, *na*, *ca*,

*ra, ka, da, ta, sa, wa, la, pa, da, ja, ya, nya, ma, ga, ba, tha, nga* yang membawa makna ada utusan sama-sama berkelahi, sama-sama saktinya dan sama-sama menjadi bangkai (Soeharyono 2008).

Ketika kekuasaan di tanah Jawa berpindah ke Jawa Timur, keris memainkan peranan besar, meskipun sering disertai cerita kelim yang menyertainya. Semasa kerajaan Daha hingga Singasari, tradisi pembuatan keris berkembang dengan pesat kononnya disebabkan kepercayaan baru, iaitu Tantrayana. Keris yang awalnya berbentuk gemuk, pendek dan berbadan lebar (merujuk pada 'Keris Buda' yang dibuat pada masa kerajaan Mataram Kuno), berubah menjadi lebih ramping, meskipun bentuknya tidak banyak berubah. Hal ini dapat dilihat pada relief di candi Panataran (Maisey 1998; Soeharyono, 2008).

Namun, cerita yang barangkali yang paling masyhur tentang keris di Jawa adalah cerita tentang keris Empu Gandring yang selalu dihubungkan dengan tokoh yang bernama Ken Arok dan Empu Gandring. Dalam *Kitab Pararaton*, diceritakan panjang lebar tentang kemelut di tanah Tumapel dengan melibatkan keris Empu Gandring. Kisah itu diawali persoalan yang terkesan sepele, iaitu perasaan jatuh cinta. Ken Arok, rakyat jelata anak Ken Endog yang dipercayai sebagai titisan daripada Dewa Brahma, jatuh cinta kepada Ken Dedes, permaisuri Tunggul Ametung, Adipati Tumapel waktu itu. Untuk menyunting sang permaisuri, Ken Arok harus membunuh Tunggul Ametung terlebih dahulu. Untuk keperluan itu, ia mendatangi seorang empu agar dibuatkan sebilah keris ampuh yang dapat digunakan untuk membunuh Tunggul Ametung. Inti pati cerita itu adalah jadilah sebilah keris yang dikenali dengan nama Empu Gandring. Keris itu mula memakan korban jiwa. Yang pertama adalah si pembuatnya sendiri, Empu Gandring, yang dibunuh Ken Arok. Sebelum meninggal, Empu Gandring bersumpah bahawa keris yang dibuatnya akan membawa mala petaka kepada Ken Arok dan anaknya. Setelah Empu Gandring, korban selanjutnya adalah Tunggul Ametung, Kebojjo, Ken Arok sendiri, Anusapati, Tohjaya dan Ranggawuni. Akhirnya, keris Empu Gandring telah mengorbankan tujuh nyawa. Sebelum mati, Ken Arok tidak hanya berhasil menyunting Ken Dedes, tetapi juga telah merebut kekuasaan daripada Tunggul Ametung, lalu mendirikan kerajaan baru, Singasari (Mangkudimedja 1979).

Kejadian penting yang melibatkan keris juga terjadi di masa kerajaan Majapahit. Raja Jayanegara terbunuh oleh keris Ra Tancha yang masih termasuk keluarga raja atau Darmaputra. Ra Tancha kemudian ditangkap dan dibunuh Patih Gajah Mada. Peristiwa ini selanjutnya mengakibatkan Hayam Wuruk mewarisi tahta dan kebesaran kerajaan Majapahit mencapai puncaknya (Soeharyono 2008).

Dalam *Babad Tanah Jawa*, dijelaskan bahawa setelah pengaruh Islam mulai tersebar di Jawa, banyak empu pembuat keris daripada kerajaan Majapahit telah memeluk Islam. Hal ini membuat pengaruh kerajaan Majapahit semakin menurun. Berpindahnya empu tersebut diduga kerana peranan wali yang menyebarkan Islam di Jawa. Antara empu Majapahit yang paling sakti adalah

Ki Supa.<sup>8</sup> Setelah memeluk agama Islam, Ki Supa berkahwin dengan Dewi Rasawulan, saudara Sunan Kalijaga. Setelah perkahwinan itu, Sunan Kalijaga meminta Ki Supa untuk membuat keris untuknya. Ki Supa menyanggupinya dan dibuatlah sebilah keris sakti yang proses pembuatannya tidak menggunakan api, yang kemudian diberi nama Kiai Sengkelat kerana warnanya merah seperti sengkelat. Keris Kiai Sengkelat ini digunakan Sunan Kalijaga untuk menandingi kesaktian keris Majapahit. Kiai Sengkelat adalah keris ampuh yang boleh terbang ke angkasa dan selanjutnya menghancurkan wabak penyakit yang disebabkan pusaka Majapahit yang dirasuki kekuatan jahat. Oleh sebab kesaktiannya, keris itu kemudian dicuri raja Jawa-Hindu yang ingin membendung gelombang pengaruh Islam. Tetapi, Sunan Kalijaga dan Ki Supa berhasil menemui keris Kiai Sengkelat lagi. Kiai Sengkelat sekarang ini tercatat sebagai pusaka Kraton Yogyakarta itu dipercayai mempunyai kuasa untuk mengatasi wabak penyakit (Woodward 2004).

Sebuah lagi kisah penting tentang keris dengan latar kerajaan Majapahit juga menarik untuk disebutkan adalah ia mengambil perspektif bukan dari kebudayaan Jawa, tetapi kebudayaan Melayu. Kisah ini berdasarkan *Hikayat Hang Tuah (HHT)*, sebuah kisah tentang seorang laksamana yang gagah berani dari kesultanan Melaka. Dalam hikayat itu diceritakan Raja Melaka akan melawat kerajaan Majapahit dengan niat untuk berkahwin dengan seorang puteri Majapahit, Raden Galuh. Dalam kunjungan itu, laksamana Hang Tuah ditonjolkan sebagai pengawal keselamatan sultan sepanjang masa lawatan ke Majapahit dan kembali ke Melaka. Pada masa itu, Majapahit tidak merelakan Raden Galuh dikahwini raja Melaka. Dia hanya dijadikan umpan agar Majapahit dapat menakluki Melaka. Sesampainya di Majapahit, percubaan membunuh Hang Tuah berulang kali dilakukan. Sebabnya adalah jika Hang Tuah mati, Raja Melaka tidak akan kembali, sehingga Seri Batara, raja Majapahit, dapat melakukan apa yang dikehendaknya ke atas raja Melaka. Dengan lain kata, selagi Hang Tuah hidup selama itulah Melaka akan sukar ditakluki.

Seiring dengan banyaknya percubaan membunuhnya, Hang Tuah melengkapkan dirinya dengan kekuatan sakti dengan bergurukan petapa kenamaan. Dalam perlawanan menentang perajurit Majapahit yang dapat menyamar diri menjadi binatang, Hang Tuah menyamar dirinya menjadi binatang dan dapat mengalahkan musuhnya. Akhirnya, dia harus berhadapan dengan perajurit Majapahit yang sakti mandraguna berkat keris yang dimilikinya, iaitu Keris Taming Sari. Hang Tuah tahu keris itulah yang membuat perajurit itu kebal dan sakti. Akibat kecerdikannya, Hang Tuah akhirnya dapat menaklukkan perajurit tadi setelah berhasil menukar kerisnya dengan Keris Taming Sari. Setelah pertandingan itu, Hang Tuah mempersembahkan Keris Taming Sari kepada Seri Batara. Dengan kemenangannya itu, Hang Tuah menunjukkan dia tidak dapat dikalahkan perajurit Majapahit yang paling sakti. Keris Taming Sari yang bertuah itu kemudiannya dianugerahkan Seri Batara kepada Hang Tuah beserta gelaran laksamana. Penganugerahan keris dan gelaran

lambang penyerahan kesaktian, kekuatan ghaib serta kekuatan yang tertinggi. Sebagai laksamana, Hang Tuah tidak akan diganggu gugat dalam melakukan apa juga. Penganugerahan keris dan gelar laksamana kepada Hang Tuah mengandung nilai kerohanian selain pembuktian pengabdian Hang Tuah kepada negerinya. Oleh sebab jasa Hang Tuah, Melaka bukan sahaja tidak dapat ditakluki Majapahit, tetapi juga Majapahit tertunduk kepada Melaka (Soetrisno 2008).

Keris kembali memainkan peranannya sebagai penentu sejarah semasa kerajaan Islam Demak. Sepanjang tempoh kerajaan itu, keris lekat dengan peristiwa pembunuhan, perebutan takhta dan pembalasan dendam. Kesultanan Demak didirikan Raden Patah, sekaligus menjadi raja yang pertama, seorang putera Raja Brawijaya dari seorang selir dari Campa. Tragedi mula berlaku selepas kematian Raden Patah dan diganti puteranya, Pangeran Sabrang Lor. Tetapi, kekuasaannya tidak berpanjangan kerana ia meninggal dalam usia muda, malahan sebelum berkahwin, maka tidak ada waris. Seharusnya yang menggantinya sebagai Sultan Demak adalah putera kedua Raden Patah, iaitu Sekar Seda Lepen. Tetapi, sebelum naik takhta, Sekar Seda Lepen terbunuh dengan ditikam keris dari belakang sewaktu pulang dari solat Jumaat di Masjid Demak. Dalam perjalanannya balik itu, Seda Lepen diikuti dari belakang dan pingangnya ditikam keris daripada perajurit suruhan Raden Mukmin atau Sunan Prawata, anak Trenggana, putera ketiga Raden Patah (De Graaf 1978a).

Putera Sekar Seda Lepen, Harya Penangsang, Adipati Jipang dan murid kesayangan Sunan Kudus, tidak menerima pembunuhan ayahnya, maka ingin membalas dendam kepada semua anak keturunan Trenggana. Sasaran pembunuhan pertama Harya Penangsang adalah Sunan Prawata sendiri. Pembunuhan itu dilakukan ketika Sunan Prawata sedang sakit dan tidur di atas pangkuan permaisurinya. Tiba-tiba datanglah dua orang perajurit suruhan Harya Penangsang yang berjaya menyusup masuk ke kamar Sunan Prawata dan langsung menusukkan keris ke dada Sunan Prawata hingga tembus sampai ke punggung. Permaisuri yang memangkunya juga terbunuh. Meskipun tercedera parah, Sunan Prawata tidak mati, tetapi sempat meraih keris pusakanya, Kiai Bethok, dan dilemparkan ke arah perajurit suruhan itu. Perajurit suruhan itu maut terkena goresan keris Kiai Bethok daripada Sunan Prawata. Setelah membunuh kedua-dua perajurit suruhan Harya Penangsang, Sunan Prawata mati akhirnya.

Sasaran pembunuhan Harya Penangsang seterusnya adalah Sunan Hadiri, adik Sunan Prawata. Pembunuhan itu berlaku ketika Sunan Hadiri dan isterinya, Ratu Kalinyamat, pulang dari menghadap Sunan Kudus untuk melaporkan pembunuhan saudaranya. Dalam perjalanan pulang, kedua-duanya dihadangi perajurit suruhan Harya Penangsang. Dalam pembunuhan yang berlaku itu Sunan Hadiri menjadi korban, tertikam keris daripada perajurit suruhan Harya Penangsang. Tetapi, Ratu Kalinyamat dapat melepaskan diri. Sang Ratu kemudian bersumpah tidak akan berhenti dari pertapaan tanpa busananya

sebelum Harya Penangsang mati dibunuh. Balas dendam Harya Penangsang belum berhenti di sini kerana dia hendak membunuh semua waris Trenggana sampai menantunya.

Sasaran pembunuhan ketiga adalah Sultan Hadiwijaya (Jaka Tingkir), menantu Trenggana yang paling muda yang menjabat Adipati Pajang. Harya Penangsang kembali mengutus dua orang perajurit untuk membunuh Hadiwijaya. Tetapi, misi pembunuhan kali ini gagal, kerana Hadiwijaya terkenal kesaktiannya, maka tidak mempan ditusuk keris perajurit daripada suruhan Harya Penangsang. Sebaliknya *saking* saktinya, perajurit tersebut terpental hingga pengsan ketika menghujamkan kerisnya ke tubuh Hadiwijaya. Setelah tersedar dari pengsan, kedua-dua perajurit itu disuruh pulang oleh Hadiwijaya. Oleh kerana gagal menjalankan tugas, Harya Penangsang membunuh kedua-duanya dengan kerisnya yang bernama Kiai Brongot Setan Kober.

Harya Penangsang adalah ancaman serius kepada waris Trenggana, maka disiasat untuk membunuhnya. Harya Penangsang mati terbunuh pada akhirnya di tangan orang kepercayaan Hadiwijaya, seperti Ki Gede Pemanahan, Ki Gede Panjawi dan Sutawijaya, anak Pemanahan, yang kemudian menjadi raja yang pertama di Mataram Islam dengan bergelar Panembahan Senapati. Setelah kematian Arya Penangsang, Hadiwijaya adalah satu-satunya waris Kerajaan Demak. Tetapi, dia lebih tertarik memindahkan kekuasaan dari Demak ke Pajang. Sejak itu, Kerajaan Demak mengalami keruntuhan (De Graaf 1978a).

Cerita tentang keris berlanjutan sehingga kerajaan Mataram Islam. Ia bermula dengan pembangkangan Panembahan Senapati terhadap kekuasaan Pajang. Sehubungan itu, sebuah rombongan mantri Pamajegan (penyetor pajak) dari Bagelen dan Banyumas yang sedianya akan menyetor pajak ke Pajang telah disekat untuk pergi ke istana Mataram di Kotagede. Ki Bocor, seorang daripada rombongan yang benci Panembahan Senapati itu hendak menjajal kesaktian Panembahan Senapati. Pada suatu malam, sedang Panembahan Senapati duduk di pendapa, tiba-tiba Ki Bocor datang dari belakang dan menusuk punggungnya dengan keris yang bernama Kiai Kebo Dengen. Setelah ditusuk berkali-kali, Panembahan Senapati tidak tercedera; akhirnya Ki Bocor jatuh terduduk minta ampun setelah kehabisan tenaga. Panembahan Senapati berpaling tubuhnya ke belakang dan memaafkan Ki Bocor. Ki Bocor segera pergi meninggalkan kerisnya yang masih tertancap di tanah. Sejak saat itu para mantri dan pegawai dari Bagelen dan Banyumas sangat mengagumi dan menghormati Senapati. Peristiwa ini banyak ditulis dalam *Babad Tanah Djawi*, *Babad Pajajaran* dan *Babad Baron Sekender*. Dari *Babad Pajajaran* diketahui bahawa Mantri Pamajegan Ki Bocor adalah Bebahu Desa Bocor di Banyumas, waris Pangeran Tole yang benci Mataram kerana mula berkembang menjadi kota yang makmur (Soeharyono 2008).

Peristiwa lain yang melibatkan peranan keris dalam sejarah di Jawa adalah pemberontakan Pangeran Alit dan Adipati Madiun yang juga saudara ipar kepada Sultan Hadiwijaya terhadap kekuasaan Mataram. Untuk meredam

pemberontakan, Panembahan Senapati secara langsung memimpin pasukannya untuk menyerbu Madiun. Adipati Madiun sangat takut kerana perajuritnya selalu kalah hingga akhirnya dia mundur dan melarikan diri. Kadipaten dipertahankan perajurit yang dipimpin Retna Jumilah, puteri Adipati Madiun yang terkenal kerana gagah berani. Panembahan Senapati menyeberangi Bengawan Madiun dan langsung memasuki Kadipaten. Kedatangan Senapati ditentang Retna Jumilah yang telah siap dengan perajuritnya. Retna Jumilah membawa keris sakti pusaka Madiun yang bernama Kiai Gumarang. Senapati menghentikan perajurit pengawalnya di bawah pohon beringin dan sendirian memasuki pendapa Kadipaten. Kedatangan Senapati ditentang Retna Jumilah yang menusuk Senapati dengan keris Kiai Gumarang, tetapi Senapati tidak terluka. Setelah kehabisan tenaga, Retna Jumilah berlutut minta ampun. Senapati mengampuni Retna Jumilah dengan puteri Adipati Madiun dikahwini Senapati. Senapati kagum dengan kecantikan dan keberaniannya. Sejarah ini banyak ditulis, terutamanya dalam *Babad Tanah Jawi* dan *Babad Matawis*. Peristiwa ini terjadi pada tahun 1590 (De Graaf 1978a).

Setelah orde kekuasaan Panembahan Senapati berakhir, takhta Mataram diserahkan kepada puteranya, Susuhunan Seda Krapyak atau Raden Mas Jolang atau yang bergelar Susuhunan Hadi Hanyakrawati. Setelah Hadi Hanyakrawati turun daripada takhta, kesultanan Mataram dipimpin Raden Mas Rangsang yang bergelar Sultan Agung Hanyakrakusuma. Semasa pemerintahan Sultan Agung, Mataram mencapai puncak kejayaannya. Menurut keterangan Riya Yasadipura, seorang penutur sejarah Jawa (khususnya sejarah tentang kesultanan di Surakarta dan Yogyakarta), salah satu petunjuknya adalah kebijaksanaan memperluas daerah kekuasaan sampai ke Jawa Timur atau daerah Brang Wetan. Untuk itu, Sultan Agung mengumpulkan para empu dan pandai besi di daerah kekuasaan Mataram untuk membuat senjata perang, tombak, pedang, keris, malah meriam Jawa. Ratusan empu dan pandai besi bekerja keras di bawah penyeliaan tujuh orang empu ternama (tindih empu pitu). Peristiwa ini disebut sebagai peristiwa Pakelun. Masa itu banyak dibuat keris yang kemudian dinamakan tangguh Mataram Pakelun. Sampai kini, keris-keris itu masih banyak dijumpai, sedangkan meriam yang dibuat masa itu masih dapat dijumpai di Keraton Kasunanan Surakarta (Soeharyono 2008).

Semasa pemerintahan Sultan Agung, hampir seluruh daerah Brang Wetan dikuasai, malahan mencapai Blambangan (sekarang Banyuwangi) dan Madura. Tetapi semakin kuatnya kekuasaan Sultan Agung tidak otomatis menyurutkan pemberontakan para adipati yang hendak memisahkan diri. Pemberontakan yang terkenal waktu itu adalah pemberontakan Adipati Pragola II, Adipati Pati. Dalam sejarah lisan yang berkembang di Jawa, *Babad Tanah Jawa*, orang Pati disebut sebagai kebal senjata. Kekebalan itu hanya dapat ditakluki dengan senjata yang diberi susuk emas. Setelah rahsia itu bocor, keris Mataram diberi tataan emas untuk memberi kekebalan orang dari Pati. Kadipaten Pati segera jatuh dan dikuasai Mataram. Setelah jatuhnya Blambangan dan Pati, Sultan Agung

berkenan memberi kepada perajurit dan perwira yang berjasa dengan keris yang bertatahkan emas. Masa itu keris penghargaan banyak diberi kepada abdi dalam yang berjasa. Keris tanda penghargaan itu adalah keris bertatahkan emas Gajah Singa. Keris Gajah Singa itu simbol kemenangan atas jatuhnya Pati. Tatahan emasnya disesuaikan dengan besarnya jabatan atau jasa dari para pahlawan yang ikut berperang menakluki Blambangan dan Pati. Tahun keruntuhan Pati menurut catatan Belanda adalah tahun 1627 (De Graaf 1990).

Setelah Sultan Agung turun takhta, tragedi berdarah yang melibatkan keris masih tidak berhenti. Semasa pemerintahan Susuhunan Amangkurat I, Sultan Mataram setelah Sultan Agung, katalog pembunuhan yang menggunakan keris semakin bertambah panjang. Pertama adalah peristiwa yang dialami Pangeran Alit, adik Amangkurat I sendiri. Pangeran Alit dicurigai bakal memberontak terhadap kekuasaan kakaknya kerana banyak merekrut dan dicintai lurah di Mataram. Tanpa penyelidikan yang memadai, Amangkurat I memerintahkan perajuritnya untuk membunuh satu-persatu para lurah dan pengikut Pangeran Alit. Tidak syak lagi, Pangeran Alit memprotes keras – yang memuncak dengan kedatangannya ke alun-alun Plered dengan disertai lurah yang masih setia kepadanya. Perkelahian tidak dapat dihindari. Oleh sebab jumlah yang tidak sebanding, banyak lurah terbunuh. Pangeran Alit mengamuk di alun-alun dengan kerisnya yang sakti itu. Beberapa orang menjadi korban keris Pangeran Alit. Demang Malaya atau disebut Cakraningrat I dari Madura memujuk agar Pangeran Alit hentikan pertumpahan darah dengan berlutut di depan Pangeran Alit sambil menangis. Disebabkan tidak dapat mengendalikan amarah, Pangeran Alit lantas membunuh Cakraningrat I dengan keris saktinya. Pengikut Demang Malaya kerana tidak menerima pembunuhan itu mengeroyok Pangeran Alit yang terbunuh dalam pertarungan yang tidak seimbang itu. Anihnya, setelah kematian Pangeran Alit, Amangkurat I memerintah perajuritnya untuk membunuh pengikut Demang Malaya yang terlibat dalam pembunuhan Pangeran Alit. Semua pengikut Demang Malaya mati dibunuh perajurit Mataram. Menurut catatan Belanda, peristiwa berdarah ini terjadi pada tahun 1647 M (De Graaf 1978a).

Mala petaka di Mataram berterusan. Kali ini korbannya adalah ulama yang dicurigai merongrong kuasa Amangkurat I, kerana pada waktu itu pengaruh ulama besar di masyarakat. Peristiwa yang terkenal adalah pembunuhan ulama setelah selesai solat Jumaat pada tahun 1648. Setiap Jumaat, perajurit sulit Mataram mengekuri ulama yang kemudian dilanjutkan dengan acara eksekusi setelah isyarat pembunuhan diberi, iaitu bunyi letusan Meriam Sapujagad. Ratusan, lantaran ribuan ulama terbunuh dalam trajedi itu. Meriam besar lambang petaka itu bernama Kiai Pancawara yang dibuat semasa Sultan Agung yang kemudian berganti dengan nama Kai Sapu Jagad pada masa Amangkurat I. Meriam besar itu terletak di alun-alun utara Kraton Surakarta. Menurut De Graaf (1978a), cerita ini tidak ditulis dalam *Babad Tanah Jawi*, tetapi terdapat dalam sejarah Banten dan Cirebon.

Peristiwa besar lain terjadi pada pertengahan 1670 M, ketika gudang mesiu Kesultanan Mataram meledak. Ledakan tersebut menyebabkan banyak korban. Penguasa Mataram menuduh Raden Wiramenggala dan Raden Tanureksa sebagai biang kerok ledakan tersebut. Bersama kerabat mereka yang berjumlah sekitar 27 orang, mereka dihukum bunuh dengan cara ditusuk dengan keris. Yang lebih menyedihkan adalah yang diperintah untuk membunuh Raden Wiramenggala adalah kakaknya sendiri, Pangeran Purbaya. Peristiwa ini didokumentasi dalam *Babad Tanah Jawi*, *Babad Momana* dan catatan Belanda (De Graaf 1990).

Melengkapi katalog pembunuhan dengan menggunakan keris semasa Amangkurat I adalah cerita tentang seorang dara cantik simpanan raja, Rara Oyi. Oleh sebab belum haid, Rara Oyi ditiptikan kepada Pangeran Pekik, Adipati Surabaya. Kelak, kalau Rara Oyi sudah besar, raja akan memperisterikannya. Pangeran Pekik suruh Ngabehi Wirareja dan keluarganya untuk mengasuh anak gadis itu. Setelah dewasa, tanpa disengaja Rara Oyi yang sangat cantik berjumpa dengan Pangeran Adipati Anom, putera sang raja. Pangeran Adipati Anom segera jatuh cinta. Oleh kerana mengetahui Rara Oyi bakal disunting ayahnya, Adipati Anom segera melarikan Rara Oyi. Menyaksikan peristiwa tersebut, Amangkurat I sangat murka, lantaran memerintah askarnya untuk membunuh Pangeran Pekik dan keluarganya, yang berjumlah 40 orang. Mereka dihukum bunuh dengan ditikam keris. Ngabehi Wirareja beserta keluarganya yang berjumlah 20 orang juga dihukum bunuh. Jumlah keseluruhan korban itu campai 60 orang. Dalam *Babad Tanah Jawi*, trajedi berdarah ini berlaku pada tahun 1670 (De Graaf 1978b).

Kekuasaan Amangkurat I yang zalim itu menimbulkan kebencian, ketidakpuasan, dan keresahan di Mataram. Kemuncak kebencian itu adalah pemberontakan Trunajaya yang bersekutu dengan mertuanya, Pangeran Kajoran. Akibat pemberontakan itu, kekuasaan Amangkurat I tumbang dan menyebabkan Amangkurat I melarikan diri, dan mati di Tegalwangi. Setelah itu, kekuasaan Mataram berpindah kepada anaknya, Pangeran Adipati Anom, yang bergelar Amangkurat II. Semasa pemerintahannya, pusat kekuasaan Mataram dipindah ke Kartasura. Pada awal pemerintahannya, Amangkurat II bertanggung jawab untuk menumpaskan pemberontakan Trunajaya. Dengan bantuan Belanda dan beberapa adipati yang masih setia kepadanya, Trunajaya dan pasukannya telah dikalahkan dengan Trunajaya ditangkap di Gunung Antang, Kediri. Di tengah alun-alun kota, Amangkurat II menghukum bunuh Trunajaya dengan keris pusaknya, iaitu Kiai Blabar. Dengan itu tamatlah pemberontakan Trunajaya (Sudibjo 1980; de Graaf, 1978b).

Pada saat berlangsung Perjanjian Gianti yang membahagi kekuasaan Mataram kepada dua bahagian, iaitu Kesultanan Yogyakarta dan Kasunanan Surakarta, keris juga memainkan peranan sebagai saksi sejarah. Waktu itu, Paku Buwana II memberi keris Kiai Kopek kepada Pangeran Mangkubumi yang kemudian menjadi Sultan Hamengku Buwana I di Kesultanan Yogyakarta.

Dengan itu, keris Kiai Kopek telah menjadi lambang kedaulatan Kesultanan Yogyakarta oleh Paku Buwana II. Rencana ini tidak dapat menceritakan semua peranan keris dalam sejarah kesultanan di Jawa kerana banyak peristiwa sejarah melibatkan keris.

Keris juga sering disebut dalam sejarah perjuangan menentang penjajah Belanda, sebelum dan selepas abad ke-20. Antaranya adalah kisah seorang senapati yang gagah berani, Untung Surapati yang selalu membawa keris kecil yang disembunyikan dalam cadik untaian daun sirih, dan digunakan ketika bertemu dengan Belanda. Setiap kali berjumpa dengan orang Belanda, keris tersebut disabutkan ke arah orang Belanda dan seketika orang Belanda tersebut mati kerana kesaktian keris Untung Surapati itu (Soeharyono 2008).

Dalam Perang Jawa (1825—1830) yang dikobarkan Pangeran Diponegoro, keris juga memainkan peranannya. Menurut Muhammad Yamin (Soeharyono 2008), Pangeran Diponegoro selalu membawa keris pusakanya dengan menyelipkannya di pinggangnya. Dalam gambar akan kelihatan keris yang dipakai Pangeran Diponegoro dengan menggunakan sarung/ warangka model gayaman Yogyakarta.

Keris masih terus berperanan, maka muncul dalam sejarah Indonesia moden. Semasa revolusi, panglima besar jeneral Soedirman selalu membawa keris ketika memimpin perang gerila menentang Belanda. Pada tahun 1949, sebelum berangkat meninggalkan Yogyakarta untuk memimpin gerila, jeneral itu meminta isterinya untuk menyiapkan kerisnya. Keris itulah yang selalu terselip di dada jeneral Soedirman selama berbulan-bulan memimpin gerila, bahkan sampai beliau kembali ke Yogyakarta. Dalam konteks ini, keris bukanlah senjata untuk menentang Belanda, melainkan sebagai artifak yang diyakini untuk membuatnya menjadi lebih berani dan kelihatan lebih berwibawa (Harsrisuksmo 2004).

Bung Karno, presiden pertama Republik Indonesia, pada masa kejayaannya juga kelihatan selalu membawa artifak merupai keris. Yang dibawanya itu bukan keris, melainkan pedang suduk yang memakai ganja, atau keris dapur Cengkronng yang diberi warangka perak yang ditatah. Menurut cerita, benda itu adalah pusaka Blambangan yang diwarisi ayah Soekarno, Raden Mas Sosro. Adapun Raden Mas Sosro mendapatnya daripada Sunan Paku Buwana ke 10. Menurut kepercayaan, Bung Karno menjadi sangat berani, berwibawa dan ditakuti, berkat pusaka yang mirip keris itu. Keris atau pedang suduk ini sering kelihatan di foto Bung Karno (Soeharyono 2008).

Pada tahun 1955, tersebar foto rasmi Bung Karno mengenakan seragam putih khas kesatuan angkatan laut berkancing keemasan, sambil tangan kanannya memegang keris berwarangka *sandang walikat*<sup>9</sup> berlapis *silih asih*<sup>10</sup> emas dan perak. Ini adalah satu-satunya foto rasmi yang menampilkan presiden Indonesia memegang keris. Legenda mengenai Bung Karno dengan kerisnya semakin semarak ketika beliau telah wafat. Pada tahun 1920-an, sewaktu Bung Karno hendak berangkat ke Bandung untuk kuliah di ITB, seorang pamannya memberi

enam bilah keris kepadanya. Masa itu, Bung Karno menolak pemberian tersebut kerana hanya bersedia menerimanya sebagai barang titipan. Pada akhir tahun 1964, ketika Bung Karno hendak mengembalikan keris tersebut, tetapi pamannya sudah meninggal, maka keris itu diserahkan kepada seorang cucu pamannya. Menurut keterangan Alm. Widyosastrosetika, abdi dalam Kesultanan Yogyakarta dan yang pernah mewartangi keris-keris itu mengatakan bahawa satu daripada keris yang sangat istimewa itu adalah keris *dapur* Betok dan *tangguh* Singasari (Harsrisuksmo 2004).

Pada zaman pemerintahan Orde Baru, Presiden Soeharto juga sering menganggap keris sebagai faktor penentuan kejayaan pemerintahannya. Dalam setiap lawatannya ke negara sahabat, Pak Harto sering menghadiahkan keris kepada pemimpin negara sahabat. Keris yang diberikan adalah keris Bali dan keris Jawa. Peristiwa ini berlangsung berulang kali dan pada masa itu sering ditayangkan media masa. Dengan menghadiahkan keris kepada pemimpin negara tetangga, diharapkan kedudukan Pak Harto dan bangsa Indonesia akan menjadi lebih berwibawa dengan kerjasama yang terjalin itu dapat berjalan lancar (Soeharyono 2008).

Ada perbezaan besar peranan keris sebelum dan selepas abad ke-20. Sebelum abad ke-20, lebih-lebih lagi semasa kerajaan Jawa, keris memainkan peranan utama sebagai senjata dalam peperangan, meskipun dalam konteks tertentu keris juga adalah lambang kewibawaan dan kedudukan. Hal ini dapat dilihat pada pemberian keris bertatah emas sebagai hadiah daripada sultan dan agung kepada askarnya yang turut berjasa dalam menumpas pemberontakan Adipati Pragola II di Pati. Semakin besar jasanya semakin tinggi kedudukan askar itu, maka akan semakin bagus pula hadiah keris yang diberi sultan dan agung.

Berbeza halnya di Indonesia selepas abad 20. Di zaman ini, teknologi persenjataan sudah lebih maju, sehingga penggunaan keris sebagai senjata masa dahulu sudah tidak memadai lagi. Peranan keris mulai bergeser daripada sebagai senjata kepada simbol keberanian dan kewibawaan. Hal ini menjadi alasan pemimpin Indonesia moden masih menggunakan keris sehubungan tugas rasminya.

## PENUTUP

Setelah ditelusuri akan ditemui begitu banyak peranan dimainkan keris dalam lintasan sejarah Indonesia. Menyedari perkembangan itu, tulisan ini tidak menggambarkan kedinamikaan peranan keris dalam sejarah Indonesia. Tulisan ini hanya memaparkan serba sedikit maklumat tentang dunia perkerisan dan peranannya dalam sejarah. Untuk itu diperlukan kajian yang lebih mendalam dan bersifat longitudinal agar maklumatnya menjadi lebih lengkap. Usaha itu tentunya memerlukan masa yang panjang, tenaga yang banyak dan perbelanjaan

yang besar. Sementara itu, buat masa sekarang keris sudah dianggap sebagai warisan budaya yang menjadi milik Nusantara sehinggakan peranan yang dimainkannya menjadi jauh lebih kompleks.

#### NOTES

- <sup>1</sup> Sering disalahucapkan *peksi*, adalah nama bagian ujung bawah sebuah keris, yang merupakan tangkai dari keris itu. Bagian inilah yang masuk ke dalam hulu. Bagi keris-keris buatan Pulau Jawa, *pesi* ini panjangnya antara 5-7 cm dengan penampang sekitar 5-9 mm. Bentuknya bulat panjang seperti pensil. Keris Bali *pesi*-nya biasanya lebih panjang dan lebih besar. Panjangnya sekitar 9-9.5 cm, dan penampangnya sekitar 1 cm. Keris buatan Riau, Palembang, serta Semenanjung Malaya lain lagi. *Pesi* dari daerah-daerah ini ukurannya pendek namun besar. Panjangnya sekitar 5-6 cm dan penampangnya 9 mm.
- <sup>2</sup> Ganja adalah bagian bagian bawah dari sebilah keris, seolah-olah merupakan alas atau dasar dari bilah keris tersebut. Pada tengah ganja, ada lubang untuk memasukkan *pesi*. Bagian bilah dan ganja merupakan satu kesatuan yang tak terpisahkan.
- <sup>3</sup> Pamor mengandung dua pengertian. Yang pertama merujuk pada gambaran tertentu pada bilah yang berupa garis, lengkungan, lingkaran, noda, titik, atau belang-belang yang tampak pada permukaan bilah keris. Sedangkan yang kedua merujuk pada bahan pembuat pamor. Motif atau pola gambaran pamor terbentuk pada permukaan bilah keris karena adanya perbedaan warna dan perbedaan nuansa dari bahan-bahan logam yang digunakan sebagai bahan baku pembuatan keris. Dengan teknik tempa tertentu, logam bahan baku keris akan menyatu dalam bentuk lapisan-lapisan tipis, tetapi bukan bersenyawa dengan atau lebur dengan bahan lainnya. Karena adanya penyayatan pada permukaan bilah keris itu, gambaran pamor akan terbentuk. Teknik tempa dalam pembuatan senjata berpamor ini merupakan ketrampilan khas Indonesia, khususnya Pulau Jawa. Bahkan seni pamor itu mungkin bisa dibilang penemuan orang Indonesia. Tidak ada bangsa lain selain Indonesia yang dalam catatan sejarah kebudayaannya mengenal seni tempa senjata berpamor, sebelum abad ke-10 M.
- <sup>4</sup> Dilihat dari bentuknya, keris dapat dibagi menjadi dua kategori, yaitu keris lurus dan keris luk (berkelok-kelok). Jumlah kelokan keris selalu merujuk pada bilangan gasal, tidak ada yang genap, karena semua benda kebudayaan yang dibuat oleh manusia tidak pernah bersifat sempurna.
- <sup>5</sup> Secara harfiah, *tangguh* berarti perkiraan. Dalam perkiraan di Pulau Jawa, *tangguh* meliputi perkiraan mengenai zaman pembuatan atau gaya pembuatan. Jadi, jika seseorang menyebut *tangguh* Jenggala, maka keris tersebut dibuat ada zaman Kerajaan Jenggala.
- <sup>6</sup> Dapur keris adalah penamaan ragam bentuk keris sesuai ricikan yang terdapat pada keris itu dari jumlah luknya. Penamaan *dapur* keris ada patokannya, ada pembakuannya. Dalam dunia perkerisan, patokan atau pembakuan ini biasanya disebut *dapur* keris. Misalnya, keris yang bentuknya lurus, memakai *gandik* (bagian raut muka keris) polos, *tikel alis* (bagian dari keris yang berupa alur dangkal, melengkung seperti alis), dan *pejetan* (istilah yang digunakan untuk menyebut keris yang pada permukaan bilahnya terdapat lekukan-lekukan menyerupai bekas pijatan jari tangan), disebut keris *dapur* Tilam Ujih.

- <sup>7</sup> Adalah salah satu bentuk hiasan tambahan pada keris, tombak, pedang, atau tosan aji lainnya. Bila hiasan itu terbuat dari emas, maka disebut *kinatah* emas, dan sebagainya.
- <sup>8</sup> Ki Supa adalah pendiri garis empu yang mengabdikan pada raja-raja Mataram berikutnya. Diyakini secara umum bahwa garis keturunan ini telah putus dan tidak ada empu lagi yang memiliki kesaktian seperti Ki Supa di era Jawa modern. Keris memang masih dibuat, tetapi keris dalam bentuk modern dianggap kosong dan tidak mempunyai nilai sebagai benda pusaka.
- <sup>9</sup> *Sandang walikat* adalah salah satu model warangka keris gaya Surakarta, Yogyakarta, Cirebon, Bali, Madura, dan juga dikenal di daerah lain Indonesia. Warangka *sandang walikat* memiliki bentuk lebih sederhana dan praktis. Karena bentuknya yang sederhana dan fungsional, pada zaman dulu warangka inilah yang sering dibawa saat pertempuran atau perjalanan jauh. Kebanyakan warangka ini dibuat dari kayu. Para kolektor keris masa kini pada umumnya menggunakan warangka sandang walikat untuk keris-keris berbilang pendek, misalnya kerisa Jalak Buda, Betok, Semar Tinandu, dan lain-lain.
- <sup>10</sup> *Silih asih* adalah suatu bentuk hiasan, bisa kinatah, bisa sinarasah (dapur keris luk lima), bisa juga dalam bentuk motif atau pola hiasan pada *pendok* (lapisan pelindung warangka), yang menggunakan dua bahan logam berlainan dan mempunyai perbedaan warna yang mencolok. Biasanya, logam yang digunakan adalah emas dan perak.

## RUJUKAN

- Al-Mudra, M. 2004. *Keris dan Budaya Melayu*. Yogyakarta: Balai Kajian dan Pengembangan Budaya Melayu.
- Danujaya, B. 2000. *1000 Tahun Nusantara*. Jakarta: Penerbit Buku Kompas.
- De Graaf, H. J. 1978a. *Awal Kebangkitan Mataram*. Jakarta: Pustaka Grafiti Press.
- \_\_\_\_\_. 1978b. *Runtuhnya Istana Mataram*. Jakarta: Pustaka Grafiti Press.
- \_\_\_\_\_. 1990. *Puncak Kekuasaan Mataram*, Jakarta: Pustaka Grafiti Press.
- Garret & Solyom, B. 1978. *The World of Javanese Kris*. Hawaii: An Exhibition at the East-West Culture Learning Institute.
- Harsrisuksmo, B. 2004. *Ensiklopedi Keris*. Jakarta: Gramedia.
- Hill, A. H. 1998. The Keris and Other Malay Weapons. Dlm Hill etc *The Keris and Other Malay Weapons*. Kuala Lumpur: The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.
- Honigmann, J. J. 1959. *The World of Man*. New York: Harper and Brothers.
- Koentjaraningrat. 1979. *Pengantar Ilmu Antropologi*. Jakarta: Aksara Baru.
- Maisey, A. G. 1998. Origin of The Keris and Its Development to the 14<sup>th</sup> Century: 8-23. Dlm *Arms Cavalcade, Official Journal of the Antique Arms Collectors Society of Australia Co-op Limited*. 1: 2 (April).
- Mangkudimedja, R. M. 1979. *Serat Pararaton, Ken Arok*. Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan Indonesia.
- Purhita, E. J. 2008. *Perbandingan Seni Tempa Baja Damask (Damask Steel) Pedang Persia dan Keris*. Didownload dari <http://kerisologi.multiply.com/journal/item/7> (21 Juli 2008).
- Soeharyono, B. 2008. *Peran Keris dalam Sejarah*. <http://kerisologi.multiply.com/journal/item/8> (21 Juli 2008).

- Soekiman, D. 1983. *Keris: Sejarah dan Fungsinya*, Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, Badan Penelitian dan Pengembangan Pendidikan dan Kebudayaan: Proyek Javanologi.
- Soetrisno, S. 2008. *Hikayat Hang Tuah: Analisis Struktur dan Fungsi*, Yogyakarta: Balai Kajian dan Pengembangan Budaya Melayu.
- Woodward, M. R. 2004. *Islam Jawa: Kesalehan Normatif Versus Kebatinan*, Yogyakarta: LKiS.
- Wooley, G. C. 1998 *The Malay Keris: Its Origin and Development*. Dlm Hill etc. *The Keris and Other Malay Weapons*. Kuala Lumpur: The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.

Mahyudin Al-Mudra, SH. MM  
Pemangku Ketua  
Balai Kajian dan Pengembangan Budaya Melayu  
Jl Gambiran 85,  
Yogyakarta 55161  
Indonesia  
Emel: mahyudin@melayuonline.com